

**DOCX.MY**

**BERITA ONLINE ANDA!**

Info semasa, Terkini, Viral, Agama, Pendidikan,  
Makluman, Resepi, Informasi Kerajaan Dan Lain-Lain

INFO LANJUT

 [www.docx.my](http://www.docx.my)




**DOCX.MY**  
SENANG DOWNLOAD

# KESIAN ABANG RIDER TEGUR WARGA SINGAPURA SELUDUP MINYAK INI YANG TERJADI



JOHOR BAHRU - Seorang penghantar makanan di Johor Bahru melaporkan kehilangan pekerjaan selepas akaun Grab-nya digantung menyusul insiden tular di media sosial. Video yang dikongsi di TikTok menunjukkan penghantar makanan itu menegur dua warga Singapura yang menggunakan tong untuk mengisi minyak di sebuah stesen minyak.

Penghantar makanan berusia 44 tahun itu menghubungi perkhidmatan pelanggan Grab selepas akaunnya digantung pada pukul 6 petang semalam. Beliau mendakwa bahawa akaunnya digantung selepas wujudnya laporan dan beliau diberitahu akan dihubungi oleh pihak atasan Grab dalam masa 24 jam.



(Tekan gambar diatas untuk tengok video penerangan abang rider)

Dalam video tersebut, terlihat pertelingkahan antara penghantar makanan dan dua lelaki warga Singapura. Salah seorang lelaki itu didakwa membuat provokasi dan mengeluarkan peralatan seperti pengunci stereng. Kejadian itu berjaya dileraikan oleh anggota polis bantuan yang tiba di tempat kejadian.

Ketua Polis Daerah Iskandad Puteri, Asisten Komisioner Rahmat Ariffin menjelaskan bahawa kejadian tersebut berpunca daripada salah faham apabila penghantar makanan menegur warga Singapura yang mengisi minyak ke dalam tong.

Bagaimanapun, siasatan mendapati bahawa warga Singapura tersebut mengisi minyak ke dalam tong untuk kegunaan go-kart. Insiden ini telah mencetuskan polemik dan menimbulkan kesan negatif kepada penghantar makanan tersebut, yang kini menghadapi kehilangan pendapatan dan ketidakpastian pekerjaan.